



Sarawak-Malaysia My Second Home

Enhancement of S-MM2H Requirements
& New Licensing for Agents

Starting on

1st January 2025!



NEW LICENSING FOR S-MM2H AGENTS

Expect Change

1.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 1.01 Syarikat Sendirian Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777].**
- 1.02 Mematuhi syarat modal berbayar diterbitkan sebanyak RM50,0000 kepada RM100,00.**
- 1.03 Akaun bank syarikat hanya ditandatangani oleh pemegang saham dan pengarah syarikat sahaja atau mana-mana individu yang dilantik oleh syarikat secara rasmi.**
- 1.04 Pemegang Saham hendaklah 100% warganegara Malaysia dan warga berasal Sarawak dan entiti pemilikan Sarawak.**
- 1.05 Pemegang Saham tidak mempunyai kepentingan (ekuiti saham) dalam mana-mana syarikat S-MM2H lain yang berlesen di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482].**
- 1.06 Warganegara asing tidak dibenarkan untuk menjadi Ahli Lembaga Pengarah.**
- 1.07 Ahli Lembaga Pengarah hendaklah 100% Warganegara Malaysia dengan minimum 51% warga berasal Sarawak.**

1.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 1.08 Syarikat perlu menggaji sekurang-kurangnya dengan minimum 51% warga berasal Sarawak di peringkat pengurusan dan professional.
- 1.09 Nama syarikat hendaklah memasukkan perkataan (S-MM2H) dalam pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Contoh: ABC (S-MM2H) Sdn. Bhd.
- 1.10 Nature of Business di dalam e-Info SSM hendaklah menyatakan perniagaan yang dijalankan berkaitan dengan (S-MM2H) atau konsultansi. (Among others, to carry business in S-MM2H programme/ consultancy).
- 1.11 Syarikat induk atau cawangan boleh beroperasi di semua Bahagian di Sarawak.
- 1.12 Keluasan premis perniagaan adalah tertakluk kepada mana-mana premis perniagaan yang sah dan memenuhi keperluan serta syarat-syarat untuk permit oleh pihak berkuasa yang berkaitan.
- 1.13 Syarikat S-MM2H diberi kebenaran untuk membuat promosi dan pengambilan peserta dari luar negara dan berurus dengan syarikat di luar negara untuk tujuan tersebut.

1.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1.14 Syarikat hendaklah memberitahu Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak mengenai apa-apa kontrak yang dibuat dengan mana-mana entiti perniagaan/ perseorangan asing dalam masa tiga puluh hari dari tarikh kontrak itu dan hendaklah memberi kepada Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak apa-apa butir mengenai kontrak itu sebagaimana yang dikehendakinya. Butiran kontrak tersebut seperti di Lampiran A.

1.15. Syarikat pengendali S-MM2H boleh mengenakan caj perkhidmatan kepada peserta S-MM2H pada kadar yang selaras dengan penetapan di bawah, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723] seperti yang berikut:

- a. RM12,000.00 bagi individu peserta S-MM2H;**
- b. RM2,000.00 bagi setiap tanggungan (*dependent*) S-MM2H.**

(Bayaran caj perkhidmatan tidak termasuk cukai perkhidmatan 8% (jika berkenaan), semua caj kerajaan/ bon imigresen, perbelanjaan pihak ketiga seperti kos pemeriksaan perubatan, insurans perubatan, fotokopi dan notari/ perakuan salinan sebenar dokumen, pengangkutan dan penginapan serta kos sampingan yang lain)

1.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1.16. Berhubung dengan caj perkhidmatan Syarikat pengendali S-MM2H, pengambilan deposit maksimum sebanyak 20% dari nilai keseluruhan caj perkhidmatan itu adalah dibenarkan sebagai pendahuluan dan baki bayaran selebihnya boleh dibuat selepas permohonan sebagai peserta S-MM2H berjaya serta pas/dokumen telah dicetak.

*Caj perkhidmatan akan dikaji setiap 5 tahun berdasarkan inflasi dan kadar pertukaran mata wang Malaysia.

1.17. Syarikat dikehendaki memberikan Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak suatu Jaminan Bank sebanyak RM100,000.00 mengikut format seperti di Lampiran B bagi maksud pampasan, bayaran balik atau perlindungan kepada peserta S-MM2H.

1.18 Berhubung dengan perenggan 1.17 di atas, Kerajaan Sarawak berhak untuk membuat penolakan atau rampasan terhadap Jaminan Bank yang diberikan oleh Syarikat, sekiranya Syarikat didapati:

- a. Mengenakan caj perkhidmatan yang tidak mematuhi kadar yang dinyatakan di perenggan 1.15;
- b. Mengambil deposit yang melebihi peratusan maksimum yang dinyatakan di perenggan 1.16. dan/atau
- c. Tidak menjalankan fungsi sebagai agen kepada peserta S-MM2H

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1.19. Syarikat dikehendaki menyediakan terma dan syarat seragam perjanjian untuk peserta S-MM2H yang dikendalikan olehnya mengikut format seperti di Lampiran C.

1.20. Syarikat hendaklah bebas daripada kompaun di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau Akta Pelesanan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan) dan tuntutan “award” tertunggak dalam sektor pelancongan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TPPM).

Perkara ini termasuk cadangan penampaikan peraturan atau undang-undang lain yang berkaitan di Sarawak.

1.21. Pihak syarikat bertanggungjawab melaksanakan dengan sebaiknya semua perkhidmatan yang berkaitan dengan peserta S-MM2H seperti di Lampiran D. Kegagalan pihak Syarikat melaksanakan tanggungjawab seperti di Lampiran D akan dianggap sebagai ketidakpatuhan syarat lesen dan boleh diambil tindakan.

2.0 DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

-
- 2.1. Salinan berwarna MyKad (Warganegara Malaysia) bagi semua pemegang saham dan Ahli Lembaga Pengarah.**
-
- 2.2. Surat Aku Janji daripada Pengarah Syarikat, Borang BA/2 seperti di Lampiran E.**
-
- 2.3. Surat pengesahan pendaftaran PERKESO bagi syarikat sepetimana ketetapan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 bagi keperluan berkanun dan mencarum dengan PERKESO/KWSP.**
-
- 2.4. Maklumat perbankan:**
- Muka hadapan penyata akaun semua bank atas nama syarikat yang memohon; dan**
 - Director Resolution yang menunjukkan nama bagi individu diberi kuasa menguruskan akaun bank syarikat.**
-
- 2.5. Salinan berwarna Passport/ Kad Pengenalan (Warganegara Malaysia) bagi Ahli Lembaga Pengarah**

2.0 DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

-
- 2.6 Sesalinan Jaminan Bank sebanyak RM100,000.00 mengikut format seperti di Lampiran B hendaklah diserahkan kepada agensi yang bertanggungjawab menyelia S-MM2H dalam 30 hari daripada tarikh lesen ditandatangani oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak bagi maksud pampasan, bayaran balik atau perlindungan kepada peserta S-MM2H.
- 2.7. **Terma Rujukan Syarikat Bagi Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri Sarawak (S-MM2H) (Do's and Don'ts Form)** seperti di Lampiran F.
-
- 2.8. Sesalinan templat terma dan syarat seragam perjanjian untuk peserta S-MM2H yang dikendalikan oleh syarikat (Lampiran C).
-
- 2.9. Sesalinan templat kontrak yang dibuat dengan mana-mana entiti perniagaan/ perseorangan asing. (Lampiran A)

3.0 TATACARA PERMOHONAN:

- 3.1 Permohonan secara manual (*Wang Pos/pembayaran secara atas talian) kepada Unit Pelesenan S-MM2H sehingga permohonan secara atas talian dilaksanakan.**
- 3.2 Permohonan secara manual kepada Unit Pelesenan S-MM2H sehingga permohonan secara atas talian dilaksanakan**

4.0 FI PEMPROSESAN:

- 4.1. Pembayaran Fi Pemprosesan secara manual melalui Wang Pos/ pembayaran atas talian/ Sarawak Pay sebanyak RM100.00 bagi setiap permohonan**

5.0 KEPUTUSAN PERMOHONAN:

- 5.1. Keputusan permohonan akan dimaklumkan secara manual sehingga permohonan secara atas talian dilaksanakan.**

6.0 SYARAT-SYARAT PENYEDIAAN PREMIS:

6.1. Bagi permohonan yang telah DIPERTIMBANGKAN, pemohon perlu menyediakan premis perniagaan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh surat kelulusan mengikut kriteria-kriteria seperti berikut:

- a. Keluasan premis perniagaan adalah tertakluk kepada mana-mana premis perniagaan yang sah dan memenuhi keperluan serta syarat-syarat untuk permit oleh pihak berkuasa yang berkaitan**
- b. Premis operasi adalah berstruktur dan mempunyai alamat tetap; dan**
- c. Lokasi/ kawasan komersial yang dilesenkan ATAU dibenarkan oleh PBT di semua bahagian di Sarawak.**

(Nota: Kelulusan sementara yang dikeluarkan adalah terpakai bagi tempoh enam (6) bulan sahaja dari tarikh surat pemakluman. Kegagalan pemohon dalam menyediakan premis serta melengkapkan dokumen sokongan di atas akan menyebabkan kelulusan)

6.0 SYARAT-SYARAT PENYEDIAAN PREMIS:

6.2. Mengemukakan dokumen untuk tujuan pemeriksaan premis iaitu:

- a. Salinan perjanjian penyewaan premis (Tenancy Agreement) yang ditandatangani oleh pemilik syarikat dan telah dimatikan setem serta masih berkuatkuasa atau salinan Sales & Purchase (S&P) jika premis adalah milik syarikat, surat kebenaran atau sewaan yang dikeluarkan oleh PBT;**
- b. Lakaran pelan lantai;**
- c. Gambar berwarna bahagian dalam & luar premis; dan**
- d. Mempunyai papan tanda perniagaan bersifat kekal di luar premis (mengikut kesesuaian dan kelulusan PBT/pemilik bangunan).**

6.0 SYARAT-SYARAT PENYEDIAAN PREMIS:

- 6.3 Pemeriksaan premis oleh agensi yang bertanggungjawab menyelia S-MM2H dijalankan bila-bila masa sepanjang tempoh syarikat beroperasi.**
-
- 6.4. Mengemukakan salinan Sijil Travel and Tour Management Course (TTMC) yang masih sah laku sekurang-kurangnya setahun daripada tarikh menghadiri kursus.**
-
- 6.5. Sekurang-kurangnya seorang wakil syarikat telah menghadiri kursus TTMC yang dianjurkan oleh Institut Latihan Pelancongan (ILP) yang berlesen. Wakil syarikat adalah seperti berikut:**
- a. Ahli Lembaga Pengarah; atau**
 - b. Kakitangan yang terlibat dalam Pengurusan syarikat. (Contohnya: Eksekutif/ Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Pegawai Operasi/ Pengurus Besar, wakil pengurusan syarikat yang dilantik oleh syarikat dan sebagainya).**

6.0 SYARAT-SYARAT PENYEDIAAN PREMIS:

6.6. Permohonan secara manual sehingga ada permohonan secara atas talian dilaksanakan

6.7. Bagi permohonan yang TIDAK DILULUSKAN: Syarikat berhak mengemukakan rayuan secara manual ke agensi yang bertanggungjawab menyelia S-MM2H dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat pemakluman keputusan lesen dikeluarkan dengan mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan. Rayuan hanya boleh dibuat sekali sahaja, keputusan rayuan adalah muktamad.

7.0 PIAGAM PELANGGAN:

7.1. Pemakluman keputusan permohonan dengan bersyarat:

5 hari bekerja dari tarikh dokumen Jawatankuasa Permohonan dan Rayuan Lesen diperakukan.

7.2. Cetakan lesen:

Lesen boleh dicetak secara wujudnya sistem talian dan setelah pembayaran fi lesen dilakukan.

8.0 PERINGATAN:

8.1. Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak yang dilantik boleh membatalkan sesuatu lesen/mengambil tindakan di bawah Akta 482 jika dia berpuas hati bahawa pengusahaan pelancongan berlesen itu telah, sama ada berkaitan dengan permohonan untuk lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, sama ada secara lisan atau bertulis memberi kepada Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak maklumat, dokumen atau perisyiharan yang palsu, mengelirukan atau tak tepat yang dibuat oleh atau bagi pihak pengusahaan pelancongan itu atau oleh atau bagi pihak mana-mana orang yang adalah atau yang akan menjadi pengarah, pengawal atau pengurus pengusahaan berlesen itu.

9.0 FI LESEN:

Perniagaan Pengendalian Pelancongan dalam Negeri (S-MM2H)

Fi Lesen: RM2,500.00 setahun

Fi Lesen Tambahan (Cawangan): RM1,500.00 setahun

10.0 GARIS PANDUAN

Garis Panduan ini akan berkuat kuasa mulai 1 JANUARI 2025